

PEMERKASAAN PASUKAN

TRANSISI KUMPULAN KERJA : Mengubah mentaliti kerja, memacu peralihan pasukan kerja dan mencapai prestasi puncak

Membina sebuah pasukan berprestasi tinggi memerlukan usaha yang berterusan dan penglibatan semua pihak di dalam sesebuah organisasi.

Bagi merealisasikan ini, setiap anggota pasukan bukan sahaja harus memahami tanggungjawab masing-masing, tetapi lebih kepada mengubah mentaliti kerja dan memahami konsep kerja berpasukan (Doing more with less).

Kursus ini menerapkan unsur semangat berpasukan, memanfaatkan kepelbagaian, sumber dan sinergi, kekuatan dan kelebihan Individu, menyokong pertumbuhan, memperkukuhkan akauntabiliti dan bertindakbalas Secara Dinamik Kepada Persekitaran.

HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir kursus ini peserta akan dapat memahami kepentingan untuk menjadi sebahagian dari anggota kerja dalam sesebuah pasukan yang sentiasa berusaha meningkatkan kemampuan diri dan pasukan bagi mencapai prestasi puncak seterusnya memacu organisasi ke arah mencapai matlamat dan objektif masing-masing.

OBJEKTIF

- ✓ Membina semangat berpasukan di kalangan anggota kerja dan menjuruskan kepada pembangunan kakitangan dan organisasi.
- ✓ Menjadi pencetus kepada proses transformasi minda ke arah kecemerlangan dan penerapan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- ✓ Meningkatkan kefahaman dalam memanfaatkan setiap sumber yang ada dalam organisasi bagi mencapai prestasi puncak.



SILIBUS

- ✓ **Penjajaran Pasukan (Team Alignment)**
 - Tujuan pasukan
 - Identiti pasukan
 - Halatuju dan matlamat
 - Nilai tambah dalam pasukan
- ✓ **Memperkasakan Cara Kerja Baru**
 - Kemampuan adaptasi dengan perubahan (perubahan pengurusan, ketidakpastian ekonomi, sosio dan politik)
 - Memahami keperluan luaran dan dalaman organisasi
 - Penjelasan tentang kontribusi dan akauntabiliti warga kerja
 - Kemampuan untuk mendokong dan menyokong organisasi dan kepimpinan pengurusan
- ✓ **Pasukan Berprestasi Tinggi**
 - Kejelasan tentang halatuju dan matlamat
 - Tahu apa tanggungjawab bagi melaksanakan misi
 - Fokus dan tumpuan kerja
 - Memahami setiap kesan atas tindakan
 - Maklumbalas prestasi
 - Komitmen dan Keterujaan berkhidmat
 - Kolaborasi, kepercayaan dan akauntabiliti
- ✓ **Kerja berpasukan dan dinamika kumpulan**
 - Semangat kesatuan dan sinergi
 - Fokus matlamat
 - Membina hubungan dan kepercayaan
 - Komunikasi Interpersonal
 - Memimpin pasukan
 - Inovasi dan Kreativiti

